

# KEGIATAN KUNCU PAS DITENTANG

KOTA BAHARU, Selasa — Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Hulu Kelantan akan menentang habis-habisan kegiatan PAS memecahbelahkan masyarakat Islam negeri ini, khasnya di kawasan Hulu Kelantan dengan menggunakan berbagai fatwa karut.

Dalam hubungan ini, pergerakan itu akan m e n u m p u k a n sebahagian besar aktiviti-aktivitinya kepada program yang bercorak dakwah Islamiah.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Ulu Kelantan, Encik Mohd. Rozali

Isahak memberitahu, pengaruh politik PAS bukan sahaja telah memecahbelahkan umat Islam dari segi akidah, juga jika dibiarkan berterusan akan merosakkan perancangan, masa depan umat itu sendiri.

## Menyusun

Katanya, PAS sendiri harus bertanggungjawab atas keruntuhan itu.

Encik Mohd. Rozali menegaskan, memandangkan perpecahan di kalangan masyarakat Islam negeri ini semakin buruk, aktiviti dakwah di kalangan Pergerakan Pemuda UMNO adalah

suatu perkara yang sangat penting diberi keutamaan.

Katanya, Pemuda UMNO Hulu Kelantan melalui aktiviti-aktiviti dakwah Islamiahnya akan menentang habis-habisan kegiatan memecahbelahkan masyarakat Islam setempat yang dilakukan oleh kuncu-kuncu PAS melalui berbagai fatwa-fatwa karut.

Katanya lagi, segala kegiatan dakwah itu akan diuruskan oleh Biro Dakwah Pergerakan itu.

Encik Mohd. Rozali memberitahu, Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian itu telah menubuhkan lima biro

baru-baru ini selaras dengan langkah pucuk pimpinan UMNO sebagai menyusun semula dan memperkemaskan jentera parti di semua peringkat.

Biro-biro itu ialah biro politik, kebajikan, pelajaran dan sukan ekonomi dan kemajuan tanah, penerangan dan dakwah dan biro kewangan.

Menurut beliau, kesemua biro tersebut telah diarahkan menyusun kegiatan masing-masing dalam bentuk rancangan jangka pendek dan panjang demi untuk mempertingkatkan kegiatan parti di peringkat bawah